



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**APRESIASI SENI VISUAL DI KALANGAN PELAJAR SENIREKA GRAFIK
INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA
DI KOLEJ OLYMPIA, PETALING JAYA:
SATU KAJIAN KES**

IDA PUTERI BINTI MAHSAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN
UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA
SYARAT BAGI MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(SENI)**

FAKULTI SENI DAN MUZIK

2008



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ii

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumber rujukannya.

8 APRIL 2008

IDA PUTERI BINTI MAHSAN

M20051000151



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

iii

DECLARATION

I hereby that the work in this dissertation is my own except for quotations and summaries which have been duly acknowledge.

8 APRIL 2008

IDA PUTERI BINTI MAHSAN

M20051000151



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat Illahi kerana dengan limpah dan kurniaaNya akhirnya dapatlah saya menyelesaikan kertas Laporan Projek (SSP6006) walaupun terpaksa melalui pelbagai dugaan dan rintangan. Namun berkat kesabaran dan semangat yang diberikan olehNya maka segalanya dapat diatasi dengan jayanya.

Terlebih dahulu ucapan ribuan terima kasih diucapkan kepada penyelia saya Prof. Madya Hj. Mohd Zahidee Bin Arshad yang telah banyak memberikan tunjuk ajar dan bimbingan di dalam proses penghasilan projek ini dari awal hingga ke akhirnya. Tidak lupa juga kepada ibu saya Pn. Zuraidah Bt Mohamed kerana telah memberi semangat dan dorongan di dalam pelbagai aspek . Semoga Allah memberkati beliau. Begitu juga dengan suami tersayang Mohd. Mokhlis Asmudi yang sentiasa memberikan dorongan dan memahami segala dugaan yang terpaksa ditempuhi sepanjang penghasilan projek serta anak kesayangan saya Qurruatuaini yang sentiasa menanti kepulangan saya pada setiap minggu.

Segala pengorbanan kalian akan saya kenang sehingga ke akhir hayat . Sekalung ucapan terima kasih juga buat rakan-rakan seperjuangan Affendi, Roziah, Hasilah, Saiful, Tarmizi, dan lain-lain kerana tidak jemu-jemu dalam memberikan bantuan dan tunjuk ajar.Semoga kita semua akan dapat menamatkan pengajian ini dengan sebaiknya.

Kepada para pembaca yang budiman, saya berharap agar penyelidikan yang dijalankan ini akan memberi seribu manfaat dan faedah yang boleh dijadikan panduan di dalam apa jua bidang terutama bidang pendidikan. Semoga segala ilmu yang diberikan kepada kita dan yang dicurahkan oleh kita akan diberkati oleh Allah sehingga ke akhir hayat. Sekian terima kasih.





**APRESIASI SENI VISUAL DI KALANGAN PELAJAR SENIREKA GRAFIK
INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA
DI PETALING JAYA, KOLEJ OLYMPIA:
SATU KAJIAN KES**

ABSTRAK

Apresiasi seni merupakan salah satu aktiviti seni yang membolehkan kita menghayati, menilai, menghargai dan mengiktiraf seni. Seni visual adalah seni yang dihasilkan pada permukaan dua dimensi termasuklah lukisan, catan, poster, ilustrasi dan sebagainya. Sesebuah karya seni sememangnya akan dihayati oleh pelukisnya, namun ia juga perlu diamati oleh orang lain iaitu penghayat yang terdiri daripada golongan masyarakat. Kajian yang dilakukan ini memfokus kepada pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi swasta dengan melihat sejauh mana mereka mengapresiasi sesebuah karya seni. Kajian telah dijalankan di Kolej Olympia cawangan Petaling Jaya yang melibatkan pelajar-pelajar senireka grafik. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif ini dirasakan sesuai kerana menjawab persoalan-persoalan bagaimana, apakah dan mengapakah. Kaedah ini lebih bersifat memahami, menjelaskan dan mendalami nilai-nilai kemanusiaan. Bagi mendapatkan maklumat, teknik pengumpulan data yang digunakan ialah temu bual, soal selidik, pemerhatian, rakaman audio, rakaman visual dan dokumen. Kajian dilakukan dengan melihat aktiviti para pelajar di dalam dan di luar kelas dan memahami sejauh mana apresiasi seni mereka apabila melihat sesebuah karya seni. Aktiviti apresiasi seni ini amat penting di dalam perkembangan seni kerana ianya mampu menerapkan kesedaran tentang nilai estetika dan keindahan di dalam sesebuah karya seni. Peranan pengkritik di dalam memberi kefahaman tentang bentuk dan makna di dalam seni juga amat penting untuk memudahkan masyarakat memahami maksud yang tersirat dan tersurat. Sememangnya arus kemodenan telah membawa seni seiring dengan kemajuan teknologi. Peranan apresiasi yang berlaku secara konsisten pada setiap individu di dalam masyarakat membolehkan seni itu tidak ketinggalan zaman. Selain itu, sesebuah institusi, organisasi seperti galeri dan masyarakat setempat juga berperanan dalam membantu meningkatkan perkembangan seni di Malaysia.



VISUAL ART APPRECIATION AMONG THE GRAPHIC DESIGN STUDENTS IN PRIVATE INSTITUTION AT PETALING JAYA ,OLYMPIA COLLEGE: CASE STUDY

ABSTRACT

Art appreciation is one of the activities in arts which enable us to observe, evaluate, value and validate art. Visual art is an artistic production on dual dimensional surface that includes drawing, painting, poster, illustration and many more. Undeniably, an artwork will be appreciated by its artist, however it also needs the appreciation of others who are part of the society. This research focuses on students of the private tertiary institutional to see the extent of which their appreciation of art can develop. The research has been conducted at Olympia College Petaling Jaya involving students of Graphic Design. This research applies qualitative methods. This qualitative method is taught to be suitable because its provide answer to how, what and why. This method features use understanding, explanation, internalizing values of humanity. To obtain information, the relevant methods of data compilation that has been used are interviews, survey, observation, audio recording, visual recording and document. The research has been conducted by observing students' indoor and outdoor activities and comprehension the extent of their art appreciation when provided with an artwork. This activity for art appreciation is of utmost significance in the development of art mainly due to its ability to observe awareness on aesthetic values and beauty in an artwork. The role of the critic in providing understanding on form and meaning in art is just as important in providing less complicated implicit and explicit meanings. Apparently, the demands of the modern life have brought art parallel with technological advancements. The consistent role of appreciation in each individual of the society results in art being relentlessly contemporary. In addition to that, organizations such as galleries and local population play a major role in aiding the advancement of arts in Malaysia.



KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN.....	ii
PENGHARGAAN.....	iii
ABSTRAK.....	iv
ABSTRACT.....	v

KANDUNGAN

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latarbelakang Masalah.....	3
1.3 Tujuan Kajian.....	4
1.4 Soalan Kajian.....	4
1.5 Definisi Operasional.....	4
1.6 Signifikan Kajian.....	5

BAB 2 KAJIAN LITERATURE DAN KERANGKA TEORI

2.1 Pendahuluan.....	7
2.2 Apresiasi Seni	7
2.3 Ciri Menilai Karya.....	10
2.4 Kritikan Seni.....	12
2.5 Pendekatan Formalistik.....	14
2.6 Komunikasi.....	20
2.6.1 Model Lasswell.....	22



**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pendahuluan.....	25
3.2	Pemerhatian.....	25
3.3	Temubual.....	26
3.4	Soal Selidik.....	28
3.5	Dokumen Arkib.....	28
3.6	Rakaman Visual.....	29
3.7	Batasan Kajian.....	29

BAB 4 LATARBELAKANG DAN SEJARAH KOLEJ OLYMPIA

4.1	Pendahuluan.....	31
4.2	Perkembangan Bandar Petaling Jaya.....	32
4.3	Lokasi Kajian.....	34
4.4	Diskripsi Lokasi Kajian.....	36
4.5	Sejarah Penubuhan Kolej Olympia.....	39
4.6	Kursus Senireka Grafik.....	40

BAB 5 ANALISA DAN DAPATAN KAJIAN

5.1	Pendahuluan.....	41
5.2	Analisa Pelajar Dari Aspek Formalistik	
5.2.1	Kes 1 (Pelajar A).....	42
5.2.2	Kes 2 (Pelajar B)	45
5.2.3	Kes 3 (Pelajar C)	48
5.2.4	Kes 4 (Pelajar D)	52
5.2.5	Kes 5 (Pelajar E)	56
5.2.6	Kes 6 (Pelajar F)	58
5.2.7	Kes 7 (Pelajar G)	60
5.2.8	Kes 8 (Pelajar H)	62
5.2.9	Kes 9 (Pelajar I)	63





5.2.10	Kes 10 (Pelajar J.....	65
5.3	Jadual Dapatan Kajian Dari Soal Selidik.....	66
5.4	Aktiviti Seni Pelajar Di Dalam Dan Di Luar Kelas.....	72
5.5	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Apresiasi Pelajar.....	75

BAB 6 RUMUSAN DAN CADANGAN

6.1	Pendahuluan.....	76
6.2	Rumusan.....	76
6.3	Cadangan.....	83

BIBLIOGRAFI 84**LAMPIRAN**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

x

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
3.1 Jadual Teknik Pengumpulan Data	30
5.1 Taburan Menunjukkan Minat Melukis	66
5.2 Tempat Melukis Pelajar	67
5.3 Jenis Material Yang Digunakan Untuk Melukis	68
5.4 Kekerapan Pelajar Melawat Galeri Seni	69
5.5 Orang Yang Terlibat Memberi Dorongan Dalam	70
5.6 Pembabitan Pelajar Dalam Aktiviti Pertandingan Seni	71



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
2.1 Carta pai Perhubungan Antara Subjek, Bentuk dan Makna	18
2.2 Karya Syed Ahmad Jamal, Puncak Wawasan/Towers of Vision	19
2.3 Struktur Dan Fungsi Komunikasi Di Dalam Masyarakat	23
4.1 Sejarah Petaling Jaya	33
4.2 Sejarah Petaling Jaya	34
4.3 Peta Petaling Jaya	35
4.4 Peta Lokasi Kolej Olympia Petaling Jaya	38
4.5 Logo Kolej Olympia	39
5.1 Karya 1 Pelajar A	43
5.2 Karya Batik Pelajar A	44
5.3 Karya Pablo Picasso “Les Demoiselles D Avignon”	46
5.4 Hasil Karya Pelajar B	47
5.5 Hasil Karya Pelajar C	49
5.6 Hasil Karya Fotografi Pelajar C	51
5.7 Catan Minyak Saratha “Untitled”.	52
5.8 Karya Vincent Van Gogh “The Café Terrace on the Place Du Forum, Arles, at Night”	53



**Rajah****Muka surat**

5.9	Hasil Karya Pelajar D	55
5.10	Karya Rujukan Pelajar D	55
5.11	Hasil Karya Lukisan Pelajar E	56
5.12	Karya Michelangelo Buanarotti “The Creation Of Adam”	58
5.13	Hasil Karya PG Bagi Tugasan Subjek Komunikasi Visual	61
5.14	Hasil Karya Relajar H	63
5.15	Hasil Karya Relajar I	64
5.16	Hasil Karya PJ Bagi Subjek Komunikasi Visual	65





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Perkembangan seni di Malaysia kini menjadi semakin berkembang dan mulai diterima oleh masyarakat kita sebagai satu budaya hidup. Seni boleh dilihat dalam kehidupan harian seperti kraf, sastera, seni suara, seni halus, seni grafik, seni anyaman, seni lakon, seni drama dan banyak lagi. Justeru melihat kepada kepentingan itu, maka wajarlah ianya dikekalkan. Seni di Malaysia sebenarnya berkembang seiring dengan perkembangan kehidupan manusia, iaitu dipercayai berlaku sejak beribu tahun lagi.

Dalam kehidupan harian, kita mempunyai hubungan rapat dengan seni. Penglibatan seni di dalam kehidupan kita hampir menyeluruh sebagai contoh penggunaan bahan-bahan peralatan pada setiap rumah seperti hiasan pada perabot, peralatan di dapur, pakaian, perhiasan dan sebagainya. Seni sememangnya tidak dapat berkembang dengan baik tanpa penglibatan masyarakat. Sejauh manakah masyarakat kita mampu menghayati dan membuat apresiasi seni? Inilah persoalan yang perlu difikirkan untuk menjadikan





setiap golongan rakyat di Malaysia ini celik seni. Golongan yang perlu di tegaskan dan dipupuk adalah golongan pelajar yang bermula daripada sekolah rendah sehingga ke peringkat institut pengajian tinggi.

Kewujudan subjek Pendidikan Seni merupakan satu langkah yang sangat berkesan untuk mencapai matlamat rakyat Malaysia celik seni. Pendidikan Seni adalah program pendidikan yang sangat bersistem terancang dan prestasinya boleh diukur bagi memenuhi keperluan individu (Mohd.Nasir Ibrahim, Iberahim Hassan:2003:5) Keperluan individu ini dapat dicapai melalui aktiviti seni yang melibatkan pengetahuan dan kemahiran mengenai proses, teknik dan media serta pembentukan nilai. Feldman (1996) memberikan definisi pendidikan seni sebagai usaha yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran membuat dan memahami seni di samping mengetahui tentang dunia dan diri kita sendiri melalui seni. Seni yang dimaksudkan adalah seni visual yang meliputi seni catan , seni arca , senibina , kraf , rekabentuk industri , fotografi dan seni komputer. Disiplin ini mengkaji fungsi dan bentuk setiap objek yang kita hasilkan . Pendidikan seni merangkumi pelbagai kaedah yang digunakan dalam menghasilkan seni , mempelajari sejarah dan budaya seni , membezakan makna seni , dan melihat nilai hasil seni individu. (Mohd.Nasir Ibrahim, Iberahim Hassan:2003:5)

Menurut sumber dari laman web Kementerian Pelajaran Malaysia Alam Pendidikan Siber,huraian sukatan pelajaran pendidikan seni visual sekolah menengah iaitu objektif tingkatan 4 dan 5 menjelaskan beberapa aspek mengenai apresiasi seni Antaranya termasuklah :

- 1) Berkomunikasi secara visual melalui hasil kerja seni
- 2) Membuat diskripsi , analisis , interpretasi dan penilaian terhadap karya seni visual





1.2 Latarbelakang masalah

Penyelidikan yang dijalankan ini adalah berdasarkan pengalaman penyelidik berkecimpung sebagai tenaga pengajar di institusi pengajian tinggi swasta bagi kursus senireka grafik selama lebih lima tahun. Pengamatan terhadap tingkah laku pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti pelajar di luar kelas menjadikan penyelidik cuba mencari jawapan sejauh manakah apresiasi seni di kalangan pelajar dan apakah faktor-faktor yang mempengaruhi apresiasi pelajar. Apresiasi seni pada pelajar yang mengambil bidang senireka grafik seharusnya berlaku sama ada semasa proses pembelajaran dan pengajaran atau aktiviti di luar kelas supaya pelajar-pelajar dapat menghasilkan karya seni atau sebarang rekaan yang mempunyai makna dan berfungsi. Pelajar yang mampu mengapresiasi sesebuah karya adalah pelajar yang sememangnya

Pelajar yang dikatakan mampu mengapresiasi sesebuah karya adalah pelajar yang mempunyai ilmu dalam berkarya. Pemahaman tentang apresiasi seni adalah mengetahui , menilai , menghayati serta peka pada nilai estetik (Izani Mat Il:2000:1). Seni grafik merupakan seni yang berbentuk komersial dan pengiklanan. Justeru itu , bidang ini tidak terlepas daripada pemahaman terhadap kehidupan bermasyarakat. Rekaan yang dihasilkan akan melibatkan pasaran di dalam masyarakat yang menjadi pengguna. Apresiasi dalam diri pelajar amat penting untuk melahirkan masyarakat yang tahu menghargai seni dan menghayati seni.





1.3 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui sejauh manakah apresiasi seni visual berlaku di kalangan pelajar yang mengambil bidang senireka grafik . Selain itu , penyelidik juga cuba memahami apakah faktor-faktor yang mempengaruhi tahap apresiasi para pelajar dan bagaimanakah apresiasi berlaku semasa proses pembelajaran di dalam kelas dan aktiviti di luar kelas.

1.4 Soalan Kajian

1.4.1 Bagaimanakah pelajar menghayati karya seni dan apresiasi pelajar dari aspek formalistik?

1.4.2 Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan apresiasi seni visual pelajar ?

1.4.3 Apakah aktiviti apresiasi yang dilakukan di kalangan pelajar?

1.5 Definisi Operasional

Apresiasi : Menurut Kamus Times (2000) apresiasi memberi maksud penghargaan yang diperolehi dari. Manakala di dalam Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002) , apresiasi bermaksud bukan sahaja penghargaan ia juga adalah suatu pengiktirafan serta penghayatan nilai di dalam sesuatu karya seni atau sastera.

Komunikasi : Di dalam Bahasa Inggeris, perkataan komunikasi disebut sebagai '*communication*' yang bermaksud sesuatu yang berkomunikasi tentang maklumat daripada seseorang individu dengan individu yang lain (The Oxford Study Dictionary



,1998) Manakala di dalam Kamus New Oxford (2007) menyatakan definisi komunikasi adalah perbuatan bertukar atau berkongsi pendapat, maklumat, idea atau perasaan.

Formalistik : Apresiasi menggunakan pendekatan formalistik khususnya di dalam termasuklah beberapa prinsip iaitu bentuk , struktur ,imbangan , komposisi , warna, tema dan sapuan berus. Bentuk merupakan satu karya keseluruhan yang tercipta oleh idea dan konsepsi seniman yang boleh bersifat abstrak atau non abstrak Elemen- elemen seni dan prinsip-prinsip seni seperti garisan, bentuk, jalinan, warna, tonal, ruang, keseimbangan, pengulangan , pergerakan, harmoni, kontras dan rentak. (Zakaria Ali. 1989:6)

1.6 Signifikan Kajian

Kajian yang dijalankan ini akan menjadi panduan kepada tenaga pengajar khususnya di peringkat institusi pengajian tinggi di dalam bidang seni dan memahami sejauh mana tahap apresiasi pelajar-pelajar serta mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi tahap apresiasi pelajar dan mengenalpasti aktiviti - aktiviti apresiasi pelajar di dalam kolej dan di rumah. Kajian yang dilakukan ini diharapkan dapat memberikan panduan kepada para pensyarah di dalam membentuk minda pelajar-pelajar untuk menghargai nilai estetika yang dihasilkan oleh pelukis – pelukis dan menerapkan pengetahuan secara mendalam bagaimana melihat , menilai , menghargai dan mengiktiraf sesbuah karya itu. Sistem pembelajaran dan pengajaran di dalam subjek Pendidikan Seni Visual perlulah lebih memberi penekanan terhadap sejarah dan apresiasi seni dengan teknik pengajaran yang betul. Teknik pengajaran di dalam kelas adalah sangat penting agar pelajar-pelajar dapat berkomunikasi dengan karya-karya seni dengan lebih berkesan. Penyelidikan ini juga diharapkan dapat memberi kesedaran kepada golongan pensyarah , guru – guru , pelajar –



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

6

pelajar dan masyarakat betapa pentingnya penghargaan seni warisan budaya yang mencerminkan identiti dan budaya masyarakat di Malaysia.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi